

# Buaya berjaya ditangkap

Siaran Akhbar dan Foto :  
Jabatan Bomba dan Penyelamat



ANGGOTA bomba berjaya menangkap buaya tersebut dan diserahkan kepada pihak Jabatan Haiwan Liar bagi tindakan selanjutnya.

**KUALA BELAIT, Isnin, 15 Februari.** - Seramai 5 Anggota Bomba dari Balai Bomba Seria, diketuai oleh ASO Mohd. Zulkifli bin Mohd. Tahir hadir ke tempat panggilan insiden gangguan binatang liar, iaitu buaya, di alamat Panaga Club, Seria, jam 2.07 petang.

Apabila sampai di tempat panggilan didapati seekor buaya, berukuran 2.5m panjang berada di dalam kolam ikan Panaga Club.

Anggota bomba berjaya menangkap buaya tersebut menggunakan *snare catcher*, seterusnya mengikat menggunakan tali.

Buaya tersebut diserahkan kepada pihak Jabatan Haiwan Liar bagi tindakan selanjutnya.

Antara punca binatang-binatang liar, seperti buaya, biawak, ular dan sebagainya, di tempat yang tidak

sepatutnya adalah disebabkan oleh kawasan yang tidak bersih dan teratur (mengundang binatang kecil seperti tikus); rumput atau lalang yang terlalu panjang boleh menjadi tempat tinggal binatang liar berkenaan; dan binatang ternakan atau binatang peliharaan yang boleh menjadi sasaran binatang liar berkenaan.

Oleh itu, JBP menyarankan orang awam agar memastikan persekitaran kawasan dalam keadaan bersih dan teratur (*housekeeping*); juga pintu rumah dan jendela dalam keadaan tertutup jika awda tidak berada di rumah bagi mengelakkan binatang-binatang liar, seperti anjing liar, ular, buaya juga monyet memasuki rumah awda.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan hubungi terus Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat tepat.

# BIBD siap sedia hadapi kecemasan

**BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Februari.** - Seramai 18 pegawai dan kakitangan daripada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengikuti Kursus Fire Marshal selama tiga hari, bermula 8 hingga 10 Februari 2021, di Balai Bomba Bandar Seri Begawan, yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'A', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Para peserta didedahkan mengenai pentingnya keselamatan kebakaran secara teori dan praktikal mengenai sebab juga punca berlakunya kebakaran; Mengetahui akan tindakan apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja dengan membuat latihan pengosongan bangunan secara sistematik; Tatacara penggunaan alat-alat pemadam api

dan selimut api dengan cara yang betul; Tatacara untuk menyelamatkan diri dari terperangkap di dalam bangunan apabila berlakunya kebakaran; Lawatan ke Unit Operasi Wanita bagi mengetahui fungsi bomba wanita juga mengenali perkakas-perkakas dan peralatan bomba.

JBP juga menyediakan program-program keselamatan, seperti Taklimat Keselamatan Umum Life Saver 995; dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan juga mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku kecemasan, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat tepat.

# UNISSA raikan Hari Penghargaan Perpustakaan



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) (tiga, kanan) hadir pada Perasmian Maktabah Cafe yang disediakan oleh Syarikat Substation ketika Hari Penghargaan Perpustakaan. Sementara gambar bawah, Rektor UNISSA semasa menyampaikan penghargaan kepada salah seorang pemenang.

**BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Februari.** - Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Hari Penghargaan Perpustakaan, pada hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Antara pengisian Hari Penghargaan tersebut, Penyampaian Penghargaan bagi Kategori Best Patron, iaitu Best Academician Patron dan Best Student Patron (Peguna Terbaik kalangan staf akademik dan pelajar) juga Kategori Pemenang Aktiviti Media Sosial Perpustakaan UNISSA.

Seramai enam pelajar yang aktif dalam sosial media Perpustakaan UNISSA, seperti

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Facebook, Instagram dan Telegram diraikan.

Sosial media perpustakaan ini merupakan platform untuk menyalurkan maklumat dan memudahkan pelajar menyuarakan pendapat-pendapat yang positif juga membangun untuk sama-sama meningkatkan lagi perkhidmatan perpustakaan dan UNISSA keseluruhannya.

Hari Penghargaan Perpustakaan ini diinisiatif untuk memberikan penghargaan kepada pelajar dan tenaga akademik yang banyak mengambil manfaat dengan kemudahan perpustakaan yang disediakan, di samping menjadi

contoh teladan juga galakan kepada warga UNISSA lain dalam menggunakan perpustakaan.

Hari Penghargaan Perpustakaan UNISSA terus diselenggarakan dengan Perasmian Maktabah Cafe yang disediakan oleh Syarikat Substation.

Adalah diharapkan Cafe tersebut akan menjadi salah satu tarikan lagi kepada UNISSA juga supaya para mahasiswa dan tenaga akademik UNISSA dapat mengambil manfaat terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, seterusnya menyertai apa juga program dan aktiviti yang dianjurkan oleh perpustakaan.



LATIHAN praktikal buat pegawai dan kakitangan daripada Bank Islam Brunei Darussalam yang mengikuti Kursus Fire Marshal.